

25/06/2003

Bank Pertanian urus pinjaman RM500 juta

Rosniza Mohd Taha

BANK Pertanian Malaysia (BPM) diberi kepercayaan mengendalikan RM500 juta

dana Skim Kredit Mikro sebagai modal kepada usahawan untuk menjalankan kegiatan berkaitan pertanian, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion 21 Mei lalu, mengumumkan peruntukan RM1 bilion bagi Skim Kredit Mikro untuk membantu peniaga kecil

mendapatkan skim pembiayaan mudah.

Selain BPM, RM300 juta daripada dana berkenaan diamanahkan kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) manakala RM200 juta lagi diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membolehkan ia diurus dengan lebih berkesan.

Antara ciri utama Skim Kredit Mikro itu ialah kadar faedah pinjaman empat peratus dengan pembayaran balik bergantung kepada daya maju serta mudah tunai peminjam.

Pinjaman juga tidak memerlukan cagaran tetapi berasaskan kepada pensekuritian aliran tunai perniagaan peminjam.

Peminjam yang layak memohon adalah mereka berumur 18 hingga 60 tahun dan mempunyai lesen atau permit perniagaan yang sah.

Pengurus Besar BPM, Datuk Mohd Rosli Aziz, berkata melalui skim berkenaan, modal disediakan kepada usahawan yang menjalankan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam sektor pertanian.

"Skim Kredit Mikro adalah satu pinjaman cepat, mudah dan tidak membebankan.

"Fasa pertama skim berkenaan akan membabitkan pembiayaan RM200 juta dan permohonan mula dibuka pada 3 Jun)," katanya selepas pelancaran pembiayaan

Skim Kredit Mikro di ibu pejabat bank itu, baru-baru ini.

Pelancarannya

disempurnakan Pengerusi BPM, Datuk Sulaiman Daud.

Mohd Rosli berkata, asas pembiayaan yang ditetapkan ialah projek berdaya

maju dan berasaskan kepada aliran tunai projek.

Buat masa ini, katanya, pembiayaan tanpa cagaran bagi pinjaman mengikut

skim ini adalah berbentuk konvensional dan diberi seratus peratus daripada

kos projek dengan jumlah maksimum RM20,000.

Beliau berkata, pinjaman melalui Sistem Perbankan Islam juga akan diumumkan dalam masa terdekat.

Selain Skim Kredit Mikro yang diperkenalkan ini, BPM turut menawarkan pinjaman lain seperti pembiayaan dana khas dan pembiayaan komersial.